

TARIKH: 2/7/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 28

# Gaji minimum RM1,500 seluruh sektor beri kelegaan kepada pekerja - MTUC

Sinar Harian  
2/7/23  
MS 28

**KUALA LUMPUR** - Pembayaran gaji minimum RM1,500 kepada pekerja di semua sektor termasuk majikan yang mempunyai kurang lima pekerja, bermakna tiada lagi diskriminasi terhadap pekerja di sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merungut kerana gaji rendah.

Setiasahaja Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kamarul Baharin Mansor berkata, lebihan gaji RM300 akan memberi kelegaan dan memberi kualiti hidup yang baik kepada pekerja.

Beliau berkata, bermula Sabtu pekerja di semua sektor akan menikmati gaji minimum RM1,500 tanpa mengira jumlah pekerja.

"MTUC mengharapakan pembayaran gaji RM1,500 akan meredakan ketidakpuasan hati pekerja

kerana terbeban disebabkan kenaikan kos barangan. Lebihan RM300 sekurang-kurangnya dapat memastikan pendapatan pekerja meningkat tanpa melalui kerena dan pelbagai alasan daripada syarikat," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, MTUC juga menggesa Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengambil pendekatan proaktif melalui penguatkuasaan secara efektif berhubung perkara itu dengan pergi ke tempat kerja.

"JTK tidak hanya perlu menunggu aduan daripada pekerja untuk mengambil tindakan. Pekerja di bawah kontrak kerajaan di sekolah seperti pembersihan dan keselamatan adalah

mangsa yang telah diketahui oleh JTK," katanya.

Pada 27 Disember lepas, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum (PGM) bagi majikan yang menggajikan kurang lima pekerja ditangguhkan dari 1 Januari 2023 kepada 1 Julai 2023.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat setelah kerajaan mengambil kira pandangan-pandangan pelbagai pihak berkepentingan yang dijangka menghadapi cabaran ekonomi serta kewangan pada 2023.

Katanya, penangguhan tambahan selama enam bulan itu diharap dapat memberi peluang untuk mereka menyalurkan dan menimbanggi keperluan kewangan.

Sebelum ini, PGM 2022 telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022 dengan kadar gaji minimum RM1,500 sebulan untuk semua sektor tanpa mengira wilayah bagi majikan yang menggajikan lima orang pekerja atau lebih. - *Bernama*



Laporan Sinar Harian pada Sabtu.